

13 JUN 1998

Mahathir-panas

M'SIA UTAMAKAN FDI, BUKAN WANG PANAS, KATA PM

KUANTAN, 13 Jun (Bernama) -- Malaysia mahukan lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI) tetapi bukan "wang panas" atau dana spekulatif, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

"Biar wang panas ini panas di tempat lain," katanya disambut tepukan gemuruh daripada lebih 2,000 jemputan termasuk penduduk beberapa kampung pada majlis perasmian Pahang Cement Sdn Bhd yang bernilai RM700 juta di Bukit Sagu dekat sini.

Dr Mahathir berkata : "Saya tahu ia akan memberi kesan kepada pemulihan ekonomi tetapi saya mahu ekonomi pulih secara sihat. Kita tidak mahu pemulihan yang tidak kekal."

Malaysia menganggap pelabur langsung asing tulen sebagai penyumbang kekal kepada pembangunan perindustrian negara ini, kata beliau.

"Kita sentiasa melayan mereka sebagai tetamu istimewa negara. Mereka berbeza daripada pelabur lain terutama pelabur dalam pasaran saham yang sering datang dan pergi," katanya.

Dr Mahathir berkata mereka yang melabur dalam pasaran saham (dana asing) bukan pelabur kekal.

Bagaimanapun, beliau berkata: "Mereka sentiasa diterima asalkan mereka melabur untuk dividen."

Katanya suatu waktu dahulu harga pasaran saham telah meningkat kepada paras yang tidak realistik, kadangkala sehingga 10 kali harga nilai aset atau keuntungan.

Pelabur-pelabur "wang panas" menjual saham mereka apabila harga naik untuk mendapatkan keuntungan besar, dan ini memberi kesan tidak baik kepada syarikat dan pelabur tempatan serta negara ini.

"Kami akan menyediakan semua insentif yang perlu (bagi pelabur langsung asing) tetapi wang panas bukanlah yang kami mahu.

"Bagi pelabur langsung asing, kami akan menyambut mereka. Sumbangan mereka ke arah pembangunan perindustrian Malaysia sangat bernilai," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata negara kini berdepan dengan masalah berikutan kemerosotan nilai ringgit dan kejatuhan pasaran saham.

Syarikat-syarikat kini tertekan dan pelabur mengeluarkan wang mereka daripada pasaran saham, katanya.

Merujuk kepada cadangan supaya Malaysia menyediakan isyarat betul untuk menarik pelabur asing, Dr Mahathir berkata Malaysia telah memberikan pelbagai insentif menarik yang termasuk pengecualian cukai bagi industri perintis untuk tempoh 10 tahun.

"Yang boleh saya buat hanyalah untuk menggalakkan mereka datang. Saya tidak lagi boleh memberikan mereka isyarat," katanya sebagai merujuk kepada kenyataan Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, John R. Mallot baru-baru ini bahawa Malaysia sepatutnya menghantar isyarat betul jika negara ini mahu dana asing kembali semula.

"Jika anda mahu datang ke sini, saya menyambut baik dan akan memberikan sebanyak mungkin insentif yang diperlukan," katanya.

Bercakap di sidang media kemudiannya, Perdana Menteri berkata apabila "wang panas" keluar dan masuk dalam pasaran saham, ia akan meninggalkan kesan kemusnahan.

"Terdapat pelabur yang melabur (dalam pasaran saham) dengan syarat tiada pengawalan terhadap mereka. Mereka mahu menguasai 100 peratus pegangan dalam syarikat, melakukan apa yang mereka suka dan tidak akur

dengan dasar negara kita.

"Jika mereka datang untuk mengambil alih bank dan institusi kewangan kerana mereka cekap dalam perkara itu (perniagaan), ianya bagus, tetapi ia tidak akan diterima dengan baik oleh rakyat tempatan," katanya.

Dr Mahathir berkata pelabur asing harus menyedari bahawa pelaburan di negara ini mestilah memberi keuntungan bukan sahaja kepada mereka tetapi juga negara tuan rumah.

Menurutnya, walaupun negara telah meletakkan syarat bahawa pelabur asing boleh mengambil sehingga 30 peratus ekuiti dalam syarikat tempatan, tetapi ada sebahagian daripadanya telah melebihi 50 peratus.

"Susah untuk mengesan jejak mereka kerana ia berlaku begitu pantas. Apabila mereka menjual saham untuk mendapatkan keuntungan besar, pemegang saham tempatan dibiarkan menanggung kosnya," katanya.

--BERNAMA  
DVS ZK MAI